

06 SEP 1998

Zaharah-Penjelasan

SIRI PENJELASAN ANWAR BOLEH JEJASKAN KESELAMATAN NEGARA, KATA ZAHARAH

KUANTAN, 6 Sept (Bernama) -- Cadangan bekas Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menjelajah ke seluruh negara bagi memperjelaskan tentang kedudukannya hanya akan memberi lebih peluang kepada unsur tidak sihat untuk menjejaskan keselamatan negara dan kestabilan parti.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berpendapat, sepatutnya kepentingan dan kestabilan negara serta parti diutamakan melebihi segala-galanya.

"Saya rasa tidak molek untuk beliau berbuat demikian," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan Baton Sukan Komanwel kepada Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Penor, Haji Zainuddin Jumaat, di sini hari ini.

Baton itu yang tiba di sini dari Terengganu semalam kini menuju ke pekan Sri Jaya di Maran.

Siti Zaharah berkata Pergerakan Wanita Umno menyokong tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta keputusan Majlis Tertinggi Umno memecatnya daripada parti itu.

Beliau menasihati pihak-pihak terbabit supaya tidak memburukkan lagi keadaan, sebaliknya menumpukan perhatian kepada kerja-kerja yang perlu dilakukan terutamanya bagi memulihkan semula keadaan ekonomi negara.

Katanya, soal pemecatan pemimpin pernah berlaku pada masa lalu dan semua pihak perlu bertenang serta menyerahkan tindakan untuk menyelesaikannya kepada proses undang-undang.

Mengenai pendirian Pergerakan Pemuda Umno berhubung isu pemecatan Anwar itu, Zaharah berkata terpulang kepada kepimpinan Pemuda untuk menyatakan pendirian mereka.

"Ini persoalan Pemuda tetapi bagi Wanita Umno kita tegas, konsisten dan menyokong keputusan Perdana Menteri," katanya.

-- BERNAMA

ROS KHY